



ROSHIDI HASHIM



A. RAHMAN AMIR GANI



V. GURUPARANA

Sinar pesakit buah pinggang



BUAH pinggang yang sihat diperlukan untuk membuang lebihan air, mineral dan cecair dari badan. Organ ini juga menghasilkan hormon untuk membantu menguatkan tulang dan membersihkan darah.

Apabila buah pinggang gagal berfungsi, ia boleh menyebabkan lebihan cecair dan sisa ini menimbun sehingga menaikkan tekanan darah pesakit.

Penyakit buah pinggang bukan hanya menjadikan tubuh badan pesakit bahkan emosi dan mental. Hidup dengan penyakit ini membawa impak negatif yang serius terhadap kualiti kehidupan seseorang.

Pesakit buah pinggang biasanya menderita kurang tumpuan, hilang memori dan kepenatan yang membataskan keupayaan untuk bekerja.

Merawat penyakit ini memerlukan kos tinggi - sekurang-kurangnya RM30,000 setahun untuk dialisis dan ubat sahaja - jika tanpa subsidi.

Dari segi emosinya, pesakit akan rasa malu kerana terpaksa bergantung dengan orang tersayang termasuk hal kewangan.

Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) menubuhkan Dana Insentif

Kebajikan Pesakit pada 2003 bertujuan memberikan pinjaman tanpa faedah kepada pesakit membuka perniagaan kecil-kecilan.

Dana itu menetapkan matlamat membantu pesakit buah pinggang memperoleh pekerjaan sekali gus meningkatkan keyakinan dan maruah diri mereka semula.

V. Guruparan, 24, didiagnosis sakit buah pinggang sejurus selepas menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Baru sahaja menamatkan alam persekolahan, dia terpaksa membuat perancangan untuk masa depannya.

Guruparan tidak pernah mendapat pengalaman belajar di kolej atau berpeluang memilih kerjaya.

Sebaliknya dia terpaksa memikirkan bagaimana ibu bapanya perlu menanggung kos rawatannya.

"Ia datang secara mengejut tetapi kami

“

Saya benar-benar bersyukur atas bantuan NKF. Setidak-tidaknya ada perniagaan sendiri, saya tidak perlu bimbang sangat soal mencari wang untuk rawatan

- V. GURUPARAN

terpaksa menghadapinya. Agak sukar untuk saya mendapat kerja dalam keadaan sekarang. Saya tidak mampu mengikuti jadual pejabat 9-5 petang kerana perlu menjalani rawatan dialisis," katanya.

A. Rahman Amir Gani, 42, dan Roshidi Hashim, 46, juga terpaksa hidup dengan buah pinggang yang rosak sejak beberapa tahun lalu.

Rahman yang sebelum ini menjual nasi lemak dengan kereta sorong terpaksa meninggalkan mata pencarinya itu.

Kedua-dua lelaki ini pernah mempunyai pendapatan tetap untuk menanggung keluarga masing-masing. Bagaimanapun, sejak disahkan menghidap sakit buah pinggang, mereka tidak lagi berupaya untuk bekerja kerana perlu menjalani rawatan dialisis tiga kali seminggu.

"Tak susah hendak bangun pagi tetapi yang payahnya hendak menghabiskan sehari sebab saya akan merasa sangat penat malah kadangkala pitam. Saya perlu menjalani rawatan dialisis tiga kali seminggu dan sepanjang waktu itu, saya perlu bercuti kerana sekali rawatan mengambil masa empat jam. Akibatnya saya hilang pendapatan kerana tidak dapat berniaga sepanjang hari, lagipun saya tak ada tenaga menolak gerai selepas rawatan," kata Rahman.

Keadaan sama dialami Roshidi, chef sous di sebuah hotel ternama.

Dia terpaksa berhenti kerja kerana tidak mampu mengikuti jadual biasa ketika

belum didiagnosis dengan penyakit kronik ini.

Masa depan mereka mungkin suram tanpa dana NKF.

Kini, Rahman, Roshidi dan Guruparan dapat memulakan perniagaan masing-masing.

Rahman kini memiliki gerai nasi lemak di lokasi tetap dan tidak perlu menolak kereta sorong, Roshidi pula membuka kedai makanan Siam manakala Guruparan mengusahakan bisnes katering bersama keluarganya.

"Saya benar-benar bersyukur atas bantuan NKF. Setidak-tidaknya ada perniagaan sendiri, saya tidak perlu bimbang sangat soal mencari wang untuk rawatan. Beban ibu bapa saya pun dapat diringankan," kata Guruparan.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif NKF, Chua Hong Wee, terdapat lebih 24,000 pesakit buah pinggang di negara ini dengan peningkatan 4,000 orang setiap tahun.

Dianggarkan lima hingga lapan peratus pesakit layak bekerja tetapi gagal mendapatkan kerja kerana keadaan kesihatan mereka mengakibatkan pembaziran tenaga kerja.

Ini belum dikira, kesan psikologi akibat dipinggirkan masyarakat dan kadangkala keluarga sendiri.

Persatuan seperti NKF memainkan peranan penting mengurangkan beban pesakit ini.

"Persatuan ini menyediakan kemudahan dan rawatan serta perkhidmatan menerusi dana yang dikumpul daripada orang awam dan organisasi. Setiap tahun, sejumlah RM40 juta dibelanjakan untuk membantu kira-kira 1,450 pesakit di 25 pusat dialisis seluruh negara," katanya.

Tambahnya, penyakit buah pinggang sebenarnya boleh dihindarkan jika langkah pencegahan awal diambil menerusi pemeriksaan kesihatan.

● Rencana ini disumbangkan Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) Malaysia. www.nkf.org.my atau talian 03-7954 9048.